

TARIKH	4 / 3 / 2013	SEKSYEN	
MUKA SURAT	28	RUANGAN	SUPAI

# Tabung Haji utamakan warga tua tunai haji

**?** Datuk saya berusia ham-pir 77 tahun, tetapi masih belum berpeluang menuaikan haji kerana gilirannya masih jauh. Adakah usaha dilakukan supaya warga tua seperti datuk saya didahulukan untuk ke Makkah.

**Cucu prihatin**  
Pasir Gudang, Johor

**G** Kita akan berusaha membantu golongan warga tua berusia lebih 75 tahun yang belum menuaikan haji untuk berbuat demikian tahun ini. Perkara itu akan dibincang dalam pertemuan dengan Menteri Haji Arab Saudi, April ini.

Tahun ini, kita cuba menambah bilangan jemaah haji berusia lebih 75 tahun berbanding 4,000 orang pada tahun lalu. Kini lebih 12,000 orang warga tua berusia lebih 75 tahun menunggu giliran menuaikan ibadah haji untuk kali pertama.



*“Kita cuba menambah bilangan jemaah haji berusia lebih 75 tahun berbanding 4,000 orang pada tahun lalu. Kini lebih 12,000 orang warga tua berusia lebih 75 tahun menunggu giliran menuaikan ibadah haji untuk kali pertama”*

kali pertama.

Seperti biasa, kuota haji Malaysia masih kekal 28,000 orang setahun tetapi kita sentiasa membuat rayuan supaya bilangan itu ditambah.

**Datuk Seri Jamil Khir**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri